

22 MAY 2003

Mahathir-Pendidikan

IBU BAPA DAN GURU PERLU PASTIKAN PELAJAR BUMI DAPAT KEPUTUSAN TERBAIK

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Para ibu bapa dan guru perlu memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar bumiputera mendapat keputusan terbaik dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia bagi membolehkan mereka dapat diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) negara, kata Perdana Menteri hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata walaupun ramai pelajar bumiputera mempunyai kelulusan yang melayakkan mereka meneruskan pengajian di IPTA, bagaimanapun ianya masih belum mencukupi untuk memastikan mereka mendapat tempat di institusi berkenaan.

"Walaupun kelulusan mereka (pelajar) layak untuk masuk ke universiti adalah besar, tetapi hanya (mereka yang mendapat) kelulusan yang baik sahaja diterima masuk," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Beliau berkata perkara itu adalah antara isu yang dibincangkan pada mesyuarat hari ini.

Jumlah pelajar bumiputera yang layak memasuki 17 IPTA tahun ini adalah 23,182 orang daripada keseluruhan 37,034 orang yang dipilih masuk IPTA di seluruh negara, merosot kepada 62.6 peratus daripada 68.9 peratus tahun lepas.

Dr Mahathir berkata: "Sebab itu saya harap ibu bapa dan guru akan berusaha supaya kelulusan baik didapati oleh penuntut bumiputera."

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata apabila kerajaan mengumumkan akan melaksanakan pengambilan pelajar ke IPTA berdasarkan meritokrasi sejak dua tahun lepas, pelajar bukan bumiputera telah berusaha lebih untuk mendapat keputusan yang baik.

"(Walaupun) jumlah mereka (pelajar bukan bumiputera) rendah daripada jumlah pelajar bumiputera (yang berjaya ke IPTA) tetapi daripada segi peratusan, mereka lebih besar kerana kelulusan mereka jauh lebih baik," katanya.

Bagi pelajar bumiputera pula, jumlah mereka yang memasuki IPTA besar tetapi daripada segi peratusan menurun, katanya.

Perdana Menteri berkata sebab itu pelajar yang mendapat kelulusan yang baik tidak mendapat jurusan yang dipilih mereka kerana terdapat pelajar yang mempunyai kelulusan yang lebih baik memohon untuk jurusan yang sama.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan juga ingin menyesuaikan jumlah penuntut dalam satu-satu bidang dengan keperluan negara.

Dr Mahathir berkata sebagai contohnya tindakan menambah jumlah doktor perlu dibuat seiring dengan peningkatan jumlah jururawat dan farmasi supaya pembangunan negara tidak pincang.

Selain itu, kerajaan juga ingin menekankan kepada pelajar pelbagai bidang yang lain seperti perakaunan, aeroangkasa dan sebagainya untuk mereka ceburi, katanya.

Menyentuh mengenai tindakan Singapura mengenakan beberapa peraturan terhadap pelajar asing dari negara yang dijangkiti Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), Dr Mahathir berkata ia bukan sahaja melibatkan pelajar dari Malaysia tetapi juga negara lain termasuk Hong Kong.

Malaysia, katanya bagaimanapun tidak mengenakan peraturan begitu kepada pelajar asing yang datang dari negara-negara yang dijangkiti SARS.

Kerajaan Singapura pada 16 Mei lepas mengumumkan semua pelajar sekolah kebangsaan, institut pendidikan teknikal, politeknik dan universiti yang menghabiskan cuti di luar Singapura diwajibkan mengikuti beberapa langkah

tambahan apabila kembali ke tempat pengajian mereka pada bulan depan.

Antara langkah baru yang diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura ialah pelajar asing yang baru pulang dari negara yang dijangkiti SARS perlu memohon semula pas pelajar jika mahu meneruskan pengajian di negara itu.

-- BERNAMA

HK HK RHM